

TUGU NEGARA

- Tugu Negara atau Tugu Peringatan Negara disiapkan pada 8 Februari 1966.
- Pembinaannya sebagai penghormatan kepada lebih 11,000 perajurit yang gugur dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918), Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan ketika Darurat (1948-1960).
- Tugu Negara terletak di ibu negara, Kuala Lumpur berhampiran bangunan Parlimen.
- Tugu setinggi 15 meter itu dibuat daripada gangsa dan direka oleh pengukir Austria, Felix de Weldon.
- Tugu ini pernah menjadi antara arca berkumpulan tertinggi di dunia.
- Terdapat tulisan yang cukup bermakna di Tugu Negara ini, iaitu "Demikian memperingati wira-wira yang menjaga keamanan dan kebebasan. Semoga mereka dirahmati Allah".

Oleh HASIF IDRIS
hasif.idris@mediamulia.com.my

TUGU Peringatan Negara atau lebih dikenali sebagai Tugu Negara, monumen kebanggaan negara terletak di tengah-tengah ibu kota, di Taman Botani Perdana.

Monumen perajurit bersadur gangsa itu merupakan simbolik perjuangan askar melawan penjajah yang dibina pada 1966.

Monumen gah ini pernah musnah akibat letupan bom angkara perbuatan khitian pengganas komunis dalam insiden berlaku pada pukul 5 pagi, 26 Ogos 1975.

Perbuatan khitian itu dipercayai dilakukan empat ejen Barisan Pembelaan Malaya (MNLF).

Ia bukan saha memusnahkan patung-patung perajurit, sebaliknya turut meretakan tapak atas tugu yang diperbuat daripada batu marmar.

Ramai tahu kemusnahan itu berjaya dipulihkan, namun ramai yang tidak tahu, tanpa tangan-tangan ajaib, monumen itu tidak mungkin kekal indah berdiri seperti kita lihat hari ini.

Christopher Carney, 74, Zolkeply Maulana, 69, Mufti Jantan, 73 dan Abdul Mansoor, 71, adalah tangan-tangan ajaib dimaksudkan.

Mereka terlibat dalam kerja membaik pulih Tugu Negara

Reunion empat pengarca Tugu Negara selepas kerja baik pulih 46 tahun lalu

Keajaiban tangan pengarca



JEJAK kasih empat pengarca di monumen Tugu Negara selepas lebih empat dekad.



FOTO-FOTO lama semasa kerja mengarca dan membaik pulih tugu negara yang masih disimpan sehingga kini.

Kesempatan itu turut diisi dengan menghadiri program khas di alma mater kesayangan mereka, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, bagi berkongsi pengalaman dan berdialog bersama pelajar dan pensyarah.

UTUS SURAT

Mengimbau kenangan, Carney, yang waktu itu bergelar pensyarah Kajian Seni Halus dari Institut Teknologi Mara (ITM) (kini UiTM) terpanggil untuk melakukan kerja membaik pulih Tugu Negara lantaran meyakini kemahiran seni halus arca dimilikinya.

Carney dan Mufti meluangkan masa dua minggu di negara ini, sebelum berangkat pulang ke Australia dan AS. Selepas mengetahui insiden

"Kami tak pernah risau akan diserang balik oleh pengganas komunis. Apa yang kami fikir hanyalah muh menyiapkan projek tersebut."

Ketika itu, ada cadangan menghantar kesemua serpihan monumen yang hancur ke Austria dan dibaik pulih di negara tersebut.

"Saya rasa ralat kalau ia dibawa ke Australia. Bagi saya ia mestilah dibaik di negara ini. Dengan pengalaman terlibat dalam kerja melebur logam, mengimpa dan mengarca. Tidak ramai yang mempunyai skil ini serentak, saya yakin dengan kemampuan diri."

"Saya cakap bagi sedikit wang dan saya akan membina semula sebagaian serpihan yang hancur. Selepas siap, saya meminta ahli jawatankuasa melihat sendiri hasil yang sudah dibuat."

"Akhirnya, mereka kagum melihat hasil tersebut dan menawarkan saya terlibat dalam projek ini," ujarnya yang menyelia kerja baik pulih itu.

Sementara itu, ketiga-tiga anak muridnya itu terpilih untuk kerja baik pulih berdasarkan kemampuan masing-masing dalam bakat seni halus selain keberanian untuk menggalas tugas penting itu.

Melihat Tugu Negara tegak berdiri, jauh di sudut Carney, beliau berbangga dengan sedikit bakti dicurahkan buat pertiwi negara.

Selepas empat dekad berlalu, beliau berbangga dengan pencapaian negara ini yang cukup cemerlang.

"Banyak perubahan berbanding zaman saya bekerja dahulu. Saya pernah mengunjungi beberapa negeri mundur di AS dan melihat infrastruktur tidak diselenggara baik."

"Situasi ini jauh berbeza dengan Malaysia yang mempunyai infrastruktur seperti jalan raya, jalan

letupan, beliau menawarkan diri untuk membaik pulih tugu berkenaan sehari selepas insiden berkenaan berlaku.

"Saya mengutus surat kepada bekas Perdana Menteri ketiga, Allahryam Tun Hussein Onn."


"Suatu hari, saya dapat tahu pihak kerajaan akan mengadakan mesyuarat Pembiayaan Pemulihran Tugu Negara. Saya pun pergi ke pejabat Perdana Menteri dan mengirimkan surat kepada setiausaha akhbaran."

"Masa itu pukul 12 tengah hari dan saya cakap surat ini mesti sampai sebelum mesyuarat pukul 2 petang," kongsinya.

"Lepas turun pesawat, saya hanya mengecam papan tandas AWAS di sepanjang jalan. Banyak perubahan sudah berlaku," kongsinya.



CHRISTOPHER CARNEY



ZOLKEPLY MAULANA



ABDUL MANSOOR



MUFTI JANTAN

Perlu tekun, teliti baiki 100 serpihan

INSIDEN yang menyebabkan 100 serpihan patung tugu berkecaci perlu dilakukan secara satu persatuan selain menuntut kreativiti pengarca.

Lantaran itu, kerja-kerja membaik pulih itu menuntut tempoh yang panjang dan perlu dilakukan dengan tekun dan teliti.

Kata Mufti, ada bahagian berlubang perlu dibaik pulih dengan membentuk bahagian itu semula menggunakan tanah liat.

"Ada bahagian perlu diubah suai menjadi acuan, sementara gangsa tuang yang merupakan logam digunakan bagi pembentukan bahagian patung dihasilkan di foundry logam, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di Terengganu.

"Selain mengarca, teknik chasing dilakukan untuk membentuk tekstur seperti urat pada patung," katanya.

"Selain berdepan cuaca panas, kilat dan petir semasa menyediakan projek itu, mereka pernah menerima ancaman surat layang daripada anggota komunis yang mengancam kerja-kerja pembakaan tersebut."

Kerja-kerja pembakaan tetap diteruskan seperti biasa selepas aspek keselamatan dikawal rapat oleh pihak polis hutan.

"Masa itu kita masih muda dan baru keluar universiti. Sekalipun ada ancaman, kecintaan untuk menyediakan projek ini melebihi segalanya termasuk perasaan takut."

"Saya pernah menyediakan kerja sehingga pukul 10 malam. Namun, selepas terima ancaman, kerja-kerja itu hanya dilakukan sehingga pukul 5 petang," kongsinya.

Selepas kerja-kerja pemulihran itu, Mufti yang berasal dari Segamat, Johor mendapat tawaran biasiswa melanjutkan pelajaran dan

bekerja di negara Uncle Sam. Menariknya, beliau tidak menyambung pengajian Sarjana dalam bidang Seni Halus, sebaliknya memilih pengajian dalam jurusan perfileman di Universiti Boston.

"Saya suka tukar pengajian sebab yakin kita boleh buat macam-macam perkara. Pokok pangkalnya, fokus."

"Ketika itu tak bekerja langsung dalam bidang seni lukis atau seni arca di AS. Saya lebih banyak mengajar dan membuat penyelidikan termasuk dalam bidang perubatan," katanya.

"Walaupun bermastautin di negara orang, rindu dan kecintaan Mufti terhadap negara sendiri tidak pernah luntur."

"Selain mengarca, teknik mengimpa dan teknik chasing dilakukan untuk membentuk tekstur seperti urat pada patung," katanya.

"Selain berdepan cuaca panas, kilat dan petir semasa menyediakan projek itu, mereka pernah menerima ancaman surat layang daripada anggota komunis yang mengancam kerja-kerja pembakaan tersebut."

"Kerja-kerja pembakaan tetap diteruskan seperti biasa selepas aspek keselamatan dikawal rapat oleh pihak polis hutan."

"Masa itu kita masih muda dan baru keluar universiti. Sekalipun ada ancaman, kecintaan untuk menyediakan projek ini melebihi segalanya termasuk perasaan takut."

"Saya pernah menyediakan kerja sehingga pukul 10 malam. Namun, selepas terima ancaman, kerja-kerja itu hanya dilakukan sehingga pukul 5 petang," kongsinya.

"Kami tak pernah risau akan diserang balik oleh pengganas komunis. Apa yang kami fikir hanyalah muh menyiapkan projek tersebut."

hanyalah mahu menyiapkan projek tersebut.

"Pernah ada pengalaman balik malam dan saya perasan seperti ada kerja lain mengekor. Namun, mujur tiada apa-apa berlaku ketika itu," kongsinya yang pernah berkhidmat di Muzium Negara selama empat tahun.

"Meneruskan kerja, beliau memilih untuk membuka syarikat sendiri yang mempunyai studio berkaitan seni, mural, patung dan miniatur di Kajang."

"Skil ini (live casting) tak ramai boleh buat. Saya akan menghasilkan patung berdasarkan permintaan."

"Itulah tugas pertama yang saya lakukan selepas menamatkan pengajian di universiti," kongsinya.

Mansoor kemudian melanjutkan pelajaran dalam bidang seni halus selama empat tahun di Paris. Sekembalinya dari Perancis, beliau bergiat aktif menjadi pelukis bersama kumpulan seniman, Anak Alam yang terkenal dalam seni lukisan dan teater pada era 80an di sekitar ibu negara.

"Saya masih aktif dalam dunia seni lukis dan banyak menghasilkan seni cetakan daripada media gurisan asid (etching) dan wood engraving."

"Penghasilan cetakan ini dibuat di rumah atau studio penuh di 17 tempat cetakan yang dimiliki teman pelukis lain."

"Bila menghasilkan kerja seni, ia berbalik keinginan dalam diri kita. Berkarya itu bukan hanya memikirkan pada soal permitinan semata-mata," katanya yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah di sebuah universiti swasta di Bangi.

seni, warisan dan peninggalan orang Melayu," ujarnya.

BUKAN SOAL BAYARAN

Bagi Abdul Mansoor Ibrahim, beliau tidak pernah terlintas tentang bayaran yang bakal diterima ketika itu. Sebaliknya, beliau lebih teruja dan seronok kerja terpilih melakukan kerja tersebut bersama rakan seperjuangan lain.

"Membela tugu ini adalah satu cabaran dan sumbangan pada negara yang patut kita hargai."

"Studio itu sekarang sudah bertukar fungsi sebab saya sudah bersara. Kini saya jadikan sebagai tempat mengaji," katanya.

Pertemuan hari itu, mengutuk kerinduan mereka berempat yang pernah memahat sejarah dalam proses pembakaan Tugu Negara.

Sebagai bekas anak murid, Zolkeply menyanyung tinggi usaha pensyarahnya dalam memulihara seni warisan Melayu.

"Saya sangat menghormati Carney atas kemahuannya mahu memartabatkan

"Bila menghasilkan kerja seni, ia berbalik keinginan dalam diri kita. Berkarya itu bukan hanya memikirkan pada soal permitinan semata-mata," katanya yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah di sebuah universiti swasta di Bangi.

TUGU Negara monumen perajurit bersadur gangsa ini simbolik perjuangan askar melawan penjajah yang dibina pada 1966.

